

Artikel

Impak Duti Eksais Minuman Bergula terhadap Gelagat Pengguna dan Kesihatan Awam di Malaysia
(*The Impact of Sugar-Sweetened Beverage Tax on Consumer Behavior and Public Health in Malaysia*)

Nur Azizah Khalid & Norain Mod Asri*

Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: norain@ukm.edu.my

Diserah: 5 Jun 2024

Diterima: 20 November 2024

Abstrak: Duti eksais terhadap minuman bergula (cukai SSB) dikenakan untuk mengurangkan penggunaan gula berlebihan di kalangan masyarakat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan pelaksanaan duti eksais terhadap minuman bergula dari pandangan pengguna. Justeru, kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu temubual terhadap informan dalam kalangan belia yang tinggal di Lembah Klang. Rakaman perbualan tersebut akan dibuat transkripsi. Seterusnya, data transkripsi perbualan akan diimport ke dalam perisian NVIVO bagi tujuan proses pengekodan dan analisis. Memandangkan kajian ini menggunakan teknik temubual, maka kesan pelaksanaan cukai gula terhadap kebajikan golongan belia yang merupakan golongan produktif dapat diperhalusi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pengguna sedar tentang kelebihan pelaksanaan cukai ini. Malah, cukai ini dilihat mampu menyedarkan pengguna untuk mengambil gula pada kadar yang optimum. Cukai ini turut menyebabkan peningkatan harga produk terbabit. Lantas kebanyakan pengguna mengurangkan pembelian minuman daripada kebiasaan. Pengeluar juga dilihat mengubah formula kandungan produk mereka dengan mengurangkan gula supaya produk tersebut tidak dikenakan cukai ke atas minuman bergula. Rentetan itu, cukai gula ini perlu sentiasa dikaji terutama dari segi asas cukai dan kadar cukai ke arah pembentukan kesihatan awam yang lebih baik tanpa menjejaskan kebajikan pengguna. Malah, ia dapat membantu mengurangkan perbelanjaan kesihatan dan menambah berkualiti buruh dalam pasaran.

Kata kunci: Duti eksais; gula; kualitatif; Lembah Klang; belia

Abstract: Excise duty on sugary drinks (SSB tax) is imposed to reduce the consumption of excess sugar among the public. Thus, the objective of this study is to examine the impact of the implementation of excise duty on sugary drinks from the consumer's point of view. Therefore, this study applies a qualitative method, namely interviews with informants among youth living in the Klang Valley. The recording of the conversation will be transcribed. Next, the conversation transcription data will be imported into NVIVO software for the purpose of the coding and analysis process. Since this study uses the interview technique, the effect of the implementation of the sugar tax on the welfare of the youth who are the productive group can be refined. The findings of the study show that majority of the consumers are aware and understand the implementation of the tax on sugary drinks. In fact, this tax is seen to be able to make consumers aware to consume sugar at an optimal rate. This tax also causes an increase in the price of the product. Thus, most users reduce the purchase of drinks than usual. Therefore, this sugar tax needs to be constantly studied especially in terms of the tax base and tax rate towards the formation of better public health without affecting the welfare of consumers. In fact, it can help reduce health expenses and increase the quality of labour in the market.

Keywords: Excise duty; sugar; qualitative; Klang Valley; youth

Pengenalan

Memandangkan bilangan pesakit diabetes semakin meningkat dan Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030, maka sudah pasti ia akan meningkatkan perbelanjaan kesihatan dan mengurangkan tenaga buruh di pasaran. Rentetan itu, kerajaan telah melaksanakan cukai SSB bagi mengurangkan kadar penggunaan gula dalam minuman. Cukai ini mula dilaksanakan pada tahun 2019 pada kadar 40 sen seliter ke atas produk minuman bergula yang dikilang dan sedia diminum mengikut nilai ambang yang tertentu. Namun, persoalannya kini adalah sejauh mana pelaksanaan cukai ini memberi kesan terhadap penggunaan gula oleh masyarakat kerana cukai hanya dikenakan ke atas produk minuman bergula sahaja?

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan pelaksanaan cukai SSB terhadap gelagat penggunaan gula dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian ini penting kepada kerajaan agar dasar holistik dapat dilaksanakan untuk membendung gelagat penggunaan gula berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi pihak swasta pula, hal ini penting supaya mereka dapat menawarkan produk yang lebih sihat kepada pengguna yang mana kuantiti gulanya adalah rendah ataupun tiada. Kajian ini juga penting untuk pengguna agar mereka mengurangkan pembelian minuman bergula. Bagi sumbangan kajian, jelas kajian ini selari dengan matlamat *Sustainable Development Goal* (SDG) yang ketiga.

Sorotan Literatur

Kajian terdahulu berkaitan dengan kesan pelaksanaan cukai minuman gula terhadap gelagat masyarakat adalah seperti berikut.

1. Kesedaran tentang Cukai Eksais ke atas Minuman Bergula

Kesedaran pengguna terhadap pelaksanaan cukai sebenarnya mampu mengurangkan penggunaan minuman bergula. Cristina et al. (2021) membuktikan pengambilan minuman bergula oleh pengguna yang mengetahui kewujudan cukai lebih rendah berbanding pengguna yang tidak tahu disebabkan peningkatan kesedaran kesihatan akibat daripada pelaksanaan cukai ini. Karl et al. (2022) pula menegaskan bahawa apabila pengguna sedar tentang kewujudan cukai ini, ia mendorong mereka untuk mengelakkan pengambilan minuman tersebut dan beralih kepada minuman alternatif yang lebih sihat. Di samping itu, kadar peratusan cukai yang tinggi lebih berkesan dalam mengurangkan pembelian minuman gula. Ini kerana, pengguna akan mengambil kira peratusan cukai yang dikenakan sebelum membuat pembelian (Donnelly, 2021). Malah cukai SSB telah meningkatkan kesedaran pengguna betapa bahayanya mengambil gula secara berlebihan, lantas mendorong mereka memilih minuman yang lebih sihat (Caro et al., 2018).

2. Kesan terhadap Harga

Pengguna lebih sensitif terhadap peningkatan harga akibat daripada cukai, lantas ia mendorong mereka mengurangkan penggunaan minuman bergula. Ini disebabkan, pengguna tidak lagi boleh membeli pada kuantiti yang sama dengan harga yang sama (Falbe et al., 2020). Malah Roberto et al. (2019) juga menyatakan cukai SSB telah meningkatkan harga minuman bergula di Philadelphia sekaligus ia mengurangkan jumlah jualan. Di Barbados, 10% cukai SSB telah mengurangkan purata jualan mingguan minuman bergula sebanyak 4.3% dan menurunkan jualan minuman berkarbonat sebanyak 3.6% (Alvarado et al., 2019). Moore (2019) pula membuktikan golongan berpendapatan rendah di Scotland lebih responsif terhadap kenaikan harga dan terpaksa beralih kepada produk minuman yang lebih murah. Arantxa et al. (2017) pula menunjukkan golongan berpendapatan rendah mengalami penurunan terbesar dalam pembelian minuman bergula selepas cukai SSB dikenakan di Mexico sepanjang dua tahun pertama. Bosire et al. (2020) mengatakan penggunaan minuman bergula dilihat lebih terkesan apabila kadar cukai SSB dikenakan sebanyak 20% berbanding 10% di Afrika Selatan. Sebaliknya, Allen et al. (2020) mengatakan terdapat negara yang terpaksa memansuhkan cukai SSB ini serta ada juga negara yang masih menjalankan pelaksanaan ini tetapi masih tidak dapat melihat kesan daripada pelaksanaan tersebut walaupun kadar cukai yang dikenakan adalah tinggi.

3. Impak terhadap Kesihatan

Apabila minuman manis diambil secara berlebihan, ia meningkatkan berat badan dan risiko penyakit diabetes dan obesiti (Falbe, 2020). Lantas, pelaksanaan cukai SSB dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Di Australia, kadar cukai SSB 20% telah mengurangkan pesakit obesiti sebanyak 2.7% (Veerman et al., 2016). Clare (2019) juga menjangkakan cukai SSB akan mengurangkan purata Indeks Jisim Tubuh BMI ke tahap yang normal. Malah Beirao et al. (2020) menegaskan pelaksanaan cukai SSB dapat mengelakkan penyakit seperti obesiti dalam jangka masa yang panjang. Dalam masa yang sama, wujud penurunan kadar peningkatan berat badan berlebihan dan obesiti di kalangan kanak-kanak akibat pelaksanaan cukai gula (Sassano et al., 2024).

Namun, Hanim et al. (2021) menyatakan cukai SSB tidak akan dapat menyelesaikan masalah obesiti secara cekap tetapi ia menyebabkan golongan berpendapatan rendah terpaksa menanggung kos tambahan akibat daripada cukai tersebut. Lloyd et al. (2019) juga menjelaskan cukai SSB ini tidak berkesan secara keseluruhan kerana hanya golongan berpendapatan rendah dilihat ketara mengurangkan penggunaan minuman bergula disebabkan mereka lebih responsif terhadap kenaikan harga barang berbanding golongan berpendapatan tinggi.

Dalam masa yang sama, pengurangan minuman manis bergula telah mendorong pengguna untuk meningkatkan penggunaan minuman alternatif yang lebih sihat seperti air mineral dan minuman kurang gula (WHO, 2022). Falbe et al. (2020) mengatakan cukai telah mengurangkan penggunaan minuman bergula sebanyak 21% dan pada masa yang sama berlaku peningkatan dalam penggunaan minuman alternatif yang lebih sihat. Kesannya, industri minuman beralih kepada pembuatan produk minuman yang lebih sihat iaitu menawarkan produk dengan kandungan gula yang rendah atau tiada gula (Silver et al, 2017). Sebenarnya, peningkatan harga minuman bergula akibat cukai menyebabkan kuasa beli pengguna semakin menurun dan sekaligus mengubah mereka untuk beralih ke minuman alternatif yang lebih sihat. Guerrero et al. (2017) menunjukkan pembelian minuman bergula merosot sebanyak 12% pada tahun pertama selepas cukai tersebut diperkenalkan. Manakala Falbe et al. (2016) membuktikan pengenaan cukai di Berkeley, California menyebabkan penurunan penggunaan minuman bergula sebanyak 21%.

Selain itu, Michael et al. (2015) mendapati cukai SSB akan membawa manfaat kesihatan yang ketara dan penjimatan kos yang mana ia dianggarkan dapat mencegah pengguna yang berisiko menghidap penyakit diabetes sebanyak 240,000 orang, 8,000 orang bagi penyakit strok dan 26,000 orang bagi penyakit jantung. Ini sekaligus menjimatkan kira-kira \$17 bilion dalam kos penjagaan kesihatan dalam tempoh yang sama. Malah Collins et al. (2015) menunjukkan cukai SSB pada kadar 20% di United Kingdom telah menjimatkan kos penjagaan kesihatan sebanyak £10 juta hingga £20 juta setahun.

Pelaksanaan cukai SSB dapat meningkatkan hasil negara dan ia akan dilaburkan semula dalam program kesihatan bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat (Shyam et al., 2019). Manakala Veerman et al. (2016) membuktikan cukai SSB sebanyak 20% telah meningkatkan hasil cukai Mexico sebanyak AUD400 juta setiap tahun yang digunakan oleh kerajaan untuk mempromosikan aktiviti kesihatan.

4. Kesan kepada Industri


Cukai SSB tidak memberi kesan kepada industri minuman bergula kerana beban cukai boleh dipindahkan kepada pengguna. Walaupun begitu, ia memberi kesan terhadap pendapatan dan keuntungan industri sekiranya pengguna mengurangkan pembelian minuman bergula. Jadi, ia mendorong industri untuk mengubah formula produk dengan mengurangkan kadar gula bagi mengelakkan dikenakan cukai yang tinggi (Edward, 2016; Hanim et al., 2021). Misalnya, syarikat minuman Coca-Cola mengeluarkan pelbagai jenis minuman tanpa gula dan kurang gula tambahan (Coca-Cola, 2021). Selain itu, pelaksanaan cukai SSB meningkatkan persaingan di kalangan pengeluar minuman bergula bagi menawarkan produk minuman yang lebih sihat kepada pengguna. Ini telah menambahkan bilangan produk minuman yang mengandungi kadar gula yang rendah kerana kesedaran pengguna semakin meningkat (World Cancer Research Fund International, 2018). Jabatan Kesihatan di Filipina juga memperuntukkan sejumlah dana untuk memulakan pemantauan bagi melihat perubahan dalam pembelian pengguna dan tindak balas industri sama ada ianya berkesan atau tidak (Onagan et al., 2019).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual. Ia dipilih kerana maklumat yang diperolehi lebih terperinci disebabkan informan menjelaskan setiap jawapan yang mereka berikan. Kaedah persampelan yang digunakan pula adalah kaedah persampelan bertujuan iaitu hanya informan belia yang tinggal di Lembah Klang sahaja dipilih. Pemilihan informan yang tinggal di kawasan Lembah Klang sahaja dibuat disebabkan kepadatan penduduk di Lembah Klang yang tinggi, penduduk mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding kawasan lain dan banyak lambakan penawaran barangan yang berasaskan gula menyebabkan pengguna mudah untuk mendapatkan barangan tersebut. Selain itu, kajian ini menggunakan informan yang terdiri daripada golongan belia kerana golongan ini produktif bekerja dalam pasaran buruh. Lantas, gaya hidup atau gelagat mereka dapat dilihat terutama sekali dari segi perbelanjaan atau penggunaan gula semasa agar mereka terus kekal dalam pasaran tenaga buruh.

Bagi pengumpulan data, sesi temubual dijalankan secara bersemuka, melalui panggilan telefon, *Microsoft Teams* dan *Google Meet*. Perbualan tersebut dirakam menggunakan fungsi rekod yang ada dalam telefon. Kemudian, data transkripsi perbualan diimport ke dalam perisian NVIVO bagi tujuan proses pengekodan dan analisis. Proses pengekodan ini dibuat mengikut tema yang diperolehi menerusi kajian terdahulu. Analisis akan dibuat secara terperinci mengikut setiap tema tersebut. Aplikasi perisian NVIVO ini dilihat dapat memenuhi objektif kajian iaitu bagi melihat kesan pelaksanaan cukai eksais minuman bergula terhadap gelagat dan penggunaan gula dalam kalangan belia di Malaysia. Malah, penggunaan analisis NVIVO membolehkan pandangan setiap informan direkod dengan jelas dan terperinci berbanding menetapkan pemboleh ubah yang biasa dilakukan dalam kaedah soal selidik.

Seterusnya, analisis kajian terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah analisis latar belakang informan manakala bahagian kedua pula berkaitan dengan objektif kajian iaitu menganalisis kesan pelaksanaan cukai terhadap gelagat pengambilan minuman bergula oleh pengguna. Berdasarkan Rajah 1, terdapat 11 faktor (tema) yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan duti eksais bagi mengubah gelagat penggunaan minuman bergula. Dapatan kajian yang diperolehi dari analisis NVIVO akan dibincangkan secara terperinci mengikut tema seperti yang ditunjukkan dalam di Rajah 1.



Rajah 1. Kesan pelaksanaan duti eksais minuman bergula terhadap gelagat pengguna

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Informan

Daripada 165 informan, majoriti informan adalah perempuan (78%), berumur 21 tahun (50.91%), tinggal di bandar (71.52%), pemegang Ijazah Sarjana Muda (80%), bekerja di sektor swasta (56.36%) dan mempunyai pendapatan antara RM3,970 hingga RM4,849 yang mana termasuk dalam golongan B40 (52.73%). Dari sudut kesihatan, 72.12% informan mempunyai BMI yang normal dan 100% tidak mempunyai apa-apa penyakit kronik. Aktiviti riadah yang biasa dilakukan informan adalah jogging (29.70%) dan kekerapan paling tinggi melakukan aktiviti riadah adalah dua kali seminggu (53.33%). Dari segi perbelanjaan terhadap minuman bergula, 38.18% informan berbelanja tidak kurang daripada RM 30 sebulan dan kekerapan informan mengambil minuman bergula dalam sehari adalah sekurang-kurangnya dua kali. Di samping itu, 67.88% informan mengambil makanan manis sebanyak 3 kali seminggu.

Selanjutnya, 58.19% informan mengatakan penggunaan gula dapat memberikan tenaga serta 35.15% informan lebih kerap mengambil gula pada waktu sarapan dan minuman petang. Dari segi pengambilan pemanis tiruan, 90.91% informan tidak mengambilnya. Manakala, 46.67% informan mengambil pemanis semulajadi seperti buah-buahan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu. Sebanyak 97.58% informan tidak mengalami masalah kesihatan sekiranya tidak mengambil gula lebih dari dua hari.

2. Kesan Pelaksanaan Duti Eksais Minuman Bergula terhadap Gelagat Pengguna

Berdasarkan Jadual 1, 87.88% informan belia mengatakan impak terhadap kesihatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kesan pelaksanaan duti eksais terhadap minuman bergula diikuti kewujudan produk alternatif lain yang lebih sihat (86.06%), kos efektif (86.06%) dan cukai sebagai strategi campurtangan kerajaan (83.64%).

Jadual 1. Faktor yang mempengaruhi kesan pelaksanaan duti eksais ke atas minuman bergula terhadap gelagat penggunaan minuman manis bergula

Tema	Bilangan peserta yang dipetik	Peratus (%)
Kesedaran tentang cukai ke atas minuman bergula	108	65.5%
Kadar cukai ke atas minuman bergula	132	80%
Kesan terhadap harga	132	80%
Kesan terhadap pembelian dan penggunaan	125	75.7%
Impak terhadap kesihatan	145	87.88%
Kesan kepada industri	136	82.42%
Kewujudan produk alternatif lain yang lebih sihat	142	86.06%
Kos efektif	142	86.06%
Cukai sebagai strategi campur tangan kerajaan	138	83.64%
Kesan kepada ekonomi dan sosioekonomi	125	75.7%
Adaptasi pelaksanaan dasar	136	82.42%

3. Kesedaran tentang Cukai ke atas Minuman Bergula

Di bawah tema ini, sebanyak 71.52% informan sedar tentang kewujudan duti eksais ke atas minuman bergula sejak dari awal pelaksanaannya. Contohnya:

“Kalau untuk cukai eksais ni kan, saya pernahlah dengar dan sedar akan kewujudan cukai eksais yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Saya rasa dah lebih kurang dua tahun juga pihak kerajaan laksanakan cukai eksais.” (Informan 1)

Malah, hampir semua informan faham tentang kelebihan pelaksanaan cukai ini (78.18%) terutama dari segi kesihatan. Ini dapat dilihat dari kenyataan berikut:

“Mengenai pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan sebenarnya bagi saya banyak mendatangkan kebaikan kepada rakyat. Contoh adalah untuk kerajaan kawal masalah obesiti dan penyakit diabetes. Sebabnya,

pengambilan gula dalam kalangan pengguna di Malaysia sangat tinggi sampaikan negara kita telah mendapat kedudukan tertinggi obesiti dalam Asia. Jadi, baguslah cukai ni bagi pengguna untuk kurangkan sikit gula dalam pemakanan diaorang.” (Informan 2)

Sementara itu, 21.82% informan menyatakan peningkatan harga minuman bergula merupakan kelemahan pelaksanaan cukai SSB. Ini secara tidak langsung membebaskan pengguna. Sebagai contoh:

“Apa yang saya faham tentang cukai terhadap minuman bergula adalah cukai ni dikenakan kepada minuman yang sedia untuk diminum saja. Dari segi kekurangan kepada pengguna lah sebab hampir semua cukai akan pengaruhi harga barang dicukai. Jadi barang naik harga. Ini akan bagi beban sikit dekat pengguna.” (Informan 3)

Seterusnya, 45% informan mendapatkan maklumat pelaksanaan duti eksais ini melalui laman web seperti surat khabar online dan portal rasmi kementerian. Selebihnya memperolehi maklumat daripada media sosial seperti Whatsapp, Twitter, Facebook dan lain-lain. Hal ini dijelaskan oleh kenyataan berikut:

“Media sosial sebab haritu saya ada tengok poster dekat Twitter daripada KKM” (Informan 4)

“Biasanya saya dengar melalui media sosial daripada berita macam astro Awani, berita Harian, diaorang hantar dekat Facebook.” (Informan 5)

Ini mencerminkan betapa penting penyebaran maklumat secara dalam talian kepada pengguna. Malah, 75.76% informan gembira mengatakan adalah bagus bagi menyedarkan pengguna untuk mengambil gula pada kadar yang optimum. Contohnya:

“Aaa perasaan saya, saya suka dengan pelaksanaan cukai terhadap minuman bergula ini dekat Malaysia. Ia perkara yang positif sebab boleh galakkan orang untuk kurangkan minuman bergula.” (Informan 6)

Selain itu, 63.64% informan mengatakan pelaksanaan cukai ini merupakan alternatif yang efektif dalam memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia untuk mengambil gula pada kadar yang optimum. Sebagai contoh:

“Seperti yang saya cakap tadi cukai akta ni bekerja untuk mengawal kesihatan dalam kalangan rakyat. Jadi ia menunjukkan alternatif yang sangat efektif. Orang ramai akan kurangkan permintaan terhadap minuman bergula disebabkan oleh cukai ini yang dikenakan menyebabkan harga mahal jadi ramai pengguna tidak akan membeli. Saya rasa dia merupakan alternatif yang sangat efektif untuk masyarakat Malaysia.” (Informan 7)

4. Kadar Cukai ke atas Minuman Bergula

Sebanyak 64.85% informan bersetuju bahawa cukai perlu dikenakan mengikut kandungan gula disebabkan jumlah tertentu mengikut kandungan gula tidak membebaskan. Seterusnya, 83.03% informan bersetuju dengan kadar cukai yang dikenakan sekarang. Contohnya:

“Ya, saya bersetuju dengan kadar yang ada sekarang sebab pada saya kadar ini boleh dikatakan sesuai pada masa ni. Tak silap saya, ianya pada kadar 40 sen seliter. Tapi, mungkin pada masa akan datang kerajaan boleh pertimbangkan kembali kadar ni untuk dinaikkan lagi.” (Informan 8)

Seterusnya, sebanyak 55.15% informan bersetuju bahawa pengguna pasti akan sedaya upaya mengurangkan pembelian minuman bergula bagi mengelakkan dikenakan harga minuman yang tinggi akibat cukai. Manakala sebanyak 62.42% informan mengatakan cukai perlu diperluaskan kepada semua produk makanan dan minuman manis. Sebagai contoh:

“Bagi saya wajar untuk dikenakan juga kepada makanan dan minuman manis yang lain seperti di restoran sebab sekarang ni banyak sangat dekat restoran. Sekurang-kurangnya bila dikenakan cukai, rakyat akan mengurangkan pengambilan gula bukan saja dekat minuman bergula dalam tin dan berkotak.” (Informan 9)

5. Kesan terhadap harga

Seramai 75.15% informan mengatakan kos pengeluaran dan harga minuman bergula meningkat akibat pelaksanaan cukai SSB. Contohnya:

“Harga akan meningkat akibat dikenakan cukai, maka harga barangan sememangnya akan meningkat juga sebabnya pengeluar akan pindahkan beban cukai tu dekat pengguna melalui harga.” (Informan 9)

Selanjutnya, sebanyak 80.61% informan bersetuju perubahan harga barangan akan mempengaruhi kuantiti dan kualiti minuman yang dibeli. Manakala 50.30% informan akan mengurangkan pembelian minuman bergula. Sebagai contoh:

“Saya akan mengurangkan pembelian minuman bergula sebab harga makin mahal. Jadi, bila dah kurangkan minuman bergula ni, saya dapatlah jaga kesihatan saya.” (Informan 9)

Seterusnya, sebanyak 54.55% informan menyedari kenaikan harga minuman bergula disebabkan oleh pelaksanaan duti eksais. Ini kerana mereka mengambil tahu setiap harga barang yang dibeli. Contohnya:

“Saya memang akan sedar sebab saya jenis orang yang ingat harga barang yang kita kerap beli. Lepastu, bila harga naik walaupun sikit, saya takkan beli.” (Informan 11)

6. Kesan terhadap Pembelian Dan Penggunaan

Didapati 55.76% informan bersetuju pembelian minuman bergula semakin berkurang kerana kuasa beli semakin menurun. Malah, 58.18% informan akan mengurangkan pembelian minuman daripada kebiasaan. Hal ini dapat dilihat dari kenyataan berikut:

“Kalau saya sendiri, saya akan kurangkan beli air manis ni. Contohnya kalau sebelum ni setiap bulan mesti beli air gas dalam 10 botol macam tu. Tapi lepas tahu pasal cukai ni, saya mungkin beli dalam 7 botol sahaja.” (Informan 12)

Walaupun begitu, 73.33% informan tidak bersetuju pelaksanaan duti eksais ini menjatuhkan kebajikan dan keseronokan mereka. Ini disebabkan, mereka masih lagi boleh membeli namun hanya dengan kadar yang sedikit. Selanjutnya, 75.76% bersetuju duti eksais ini tidak mengubah perbelanjaan dan penggunaan masyarakat kerana harga minuman yang dikenakan cukai lebih rendah berbanding harga minuman alternatif. Sebagai contoh:

“Saya rasa betul. Okay, contoh macam kalau beza kita tengok harga sebotol Coca Cola yang biasa dengan air coca cola kurang gula, lebih kurang lima puluh sen. Orang akan nak beli Coca Cola biasa sebab harga tak jauh beza. Lagipon selalunya orang yang pendapatan rendah ni tak beli banyak, jadi kalau beli sebotol tak la rasa sangat.” (Informan 13)

Dalam masa yang sama, 52.12% informan tidak bersetuju cukai SSB ini membebankan rakyat termasuk mengganggu pengurusan kewangan mereka. Contohnya:

“Bagi saya, tak bebankan sebab rakyat masih lagi mampu bayar kadar ni, dan bantu rakyat untuk uruskan kewangan dengan lebih baik, dengan lebih jimat cermat sebab akan rancang perbelanjaan dengan lebih baik.” (Informan 14)

7. Impak terhadap Kesihatan

Kesemua informan bersependapat bahawa pengambilan gula yang berlebihan merupakan salah satu punca pengguna berisiko menghidap penyakit seperti diabetes dan obesiti. Contohnya:

“Gula ni akan menyebabkan kita ni dapat penyakit kalau di ambil secara berlebihan dan kos nak merawat jika terkena penyakit tu adalah lebih tinggi berbanding membeli air manis.” (Informan 9)

Malah, semua informan bersetuju bahawa penyakit obesiti dan diabetes merupakan isu utama yang perlu diberi perhatian di Malaysia. Ini kerana Malaysia telah mempunyai bilangan pesakit yang paling tinggi antara di Asia dan pesakit obesiti bukan sahaja dalam kalangan dewasa malah ada juga kanak-kanak yang menghidapinya. Disebabkan itu, perkara ini perlu diberi tumpuan supaya tidak bertambah serius lagi. Namun begitu, 69.09% informan mengatakan duti eksais ini mungkin boleh memberi kesedaran kepada mereka untuk mengurangkan gula bukan sahaja dalam minuman tapi dalam makanan juga. Selanjutnya, 58.18% informan tidak bersetuju bahawa duti eksais ini menggalakkan mereka untuk meneliti gula dalam makanan dan minuman yang bakal diambil. Hal ini dapat dilihat dari kenyataan berikut:

“Tak sangat kot sebab saya selalu beli barang yang jenama biasa saya beli pastu tengok halal ke tak. Kalau harga dia naik, saya tak beli, ambil barang lain pulak yang lebih kurang dengan tu.” (Informan 15)

Namun, sebanyak 87.88% informan tidak bersetuju bahawa masalah kesihatan hanya perlu dibaiki sendiri oleh individu yang mengalaminya sahaja tanpa menerusi cukai. Ini kerana, pihak kerajaan bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan rakyat termasuklah menangani masalah kesihatan awam. Sebagai contoh:

“Tidak, kerana rakyat ialah aset terbesar negara. Jadi, kerajaan bertanggungjawab menangani masalah ni. Sebab, nanti kesannya bukan dapat dekat orang tu je, ia akan bagi kesan dekat negara juga.” (Informan 16)

Seperkara yang menarik adalah sebanyak 79.39% informan bersetuju bahawa dasar cukai ini adalah adil kepada individu sihat. Contohnya:

“Bagi saya tidak ada istilah tidak adil dalam kadar duti eksais ni kerana walaupun individu tu sihat tapi kita tak tahu pada masa akan datang adakah dia akan masih sihat. Jadi, dengan adanya kadar duti eksais ni walaupun sikit tapi sekurang-kurangnya dapat kurangkan pembelian mereka yang sihat tu supaya mereka akan tetap konsisten menjaga kesihatan.” (Informan 17)

Seterusnya, 58.18% informan mengatakan pelaksanaan cukai bukanlah semata-mata bertujuan untuk meningkatkan pendapatan negara. Hal ini dijelaskan menerusi kenyataan berikut:

“Pada saya, kadar yang dikenakan tak terlalu tinggilah. Kerajaan bukan nak keuntungan melalui cukai ini, tapi lebih kepada meningkatkan kadar kesihatan.” (Informan 18)

Berkaitan dengan kerelevanan mengenai keputusan Kementerian Kesihatan yang mengharamkan minuman berkarbonat dijual di sekolah, sebanyak 87.88% informan bersetuju dengan dasar ini. Hal ini perlu bagi mendidik anak-anak muda mengamalkan pemakanan yang sihat termasuklah dengan mengurangkan gula. Oleh itu, pelaksanaan duti eksais dilihat mampu membawa kepada amalan pemakanan yang baik untuk kesihatan.

8. Kesan kepada Industri

Seramai 82.42% informan bersetuju cukai SSB menggalakkan pengeluar mengubah formula kandungan produk mereka. Ini dilakukan dengan mengurangkan gula dalam pengeluaran produk supaya tidak dikenakan cukai yang terlalu tinggi dan dapat mengekalkan harga jualan kepada pengguna. Malah, 85.45% informan

berpendapat pelaksanaan cukai ini dapat menggalakkan pengeluar untuk mengeluarkan produk rendah atau tiada gula. Contohnya:

“Ya sebab pengeluar hendak mengelakkan daripada dikenakan cukai eksais. Jadi, mereka akan kurangkan kadungan gula dalam minuman dan makanan yang dikeluarkan. Benda ni juga buat pengeluar menyokong tindakan kerajaan untuk sedarkan pengguna supaya kurangkan ambil gula tak kisahlah dalam makanan ataupun minuman.” (Informan 19)

Selanjutnya 60% informan berpandangan bahawa cukai SSB menggalakkan pengeluar meletakkan label kurang atau tiada gula dengan lebih ketara pada produk. Ini kerana, pengguna akan lebih mudah untuk membezakan antara produk dengan kandungan gula tinggi dan rendah, sekaligus pengguna sedar akan kewujudan cukai melalui harga yang dikenakan. Seterusnya 90.91% informan mengatakan pelaksanaan cukai menggalakkan pengeluar memberikan maklumat kandungan gula dengan jelas dalam makanan dan minuman pada produk mereka. Informan merasakan ia sememangnya perlu diletakkan supaya pengguna dapat tahu jumlah gula yang diambil dalam setiap makanan dan minuman. Tetapi sebanyak 77.58% informan bersetuju bahawa pengeluar minuman manis menerima impak negatif apabila cukai dilaksanakan. Ini dapat dilihat dari kenyataan berikut:

“Pada pendapat saya, mungkin pengeluar akan terkesan apabila harga minuman semakin meningkat, permintaan mungkin akan berkurangan. Tapi, kalau mereka mengubah struktur kuantiti gula ia tak akan jadi masalah pada harga dan pengguna boleh biasakan dengan produk rendah gula ni.” (Informan 20)

Dari segi kebajikan industri minuman bergula, 36.36% informan mencadangkan agar kerajaan memberikan subsidi kepada pengeluar. Di samping itu, 82.42% informan bersetuju bahawa pelaksanaan cukai mempengaruhi pendapatan pengeluar minuman bergula. Sebagai contoh:

“Ya, sebab kita tahu kalau harga naik, jadi pengguna akan kurang membeli dan secara tak langsung diaorang akan beralih ke minuman yang lebih murah. Jadi, bila permintaan semakin berkurangan, pendapatan pun berkurangan.” (Informan 21)

9. Kewujudan Produk Alternatif Lain yang Lebih Sihat

Majoriti informan (74.55%) mengatakan cukai menyebabkan pengguna beralih kepada minuman yang lebih sihat. Ini disebabkan, peningkatan harga minuman bergula telah mendorong pengguna untuk memilih minuman yang mempunyai kandungan gula rendah kerana ianya lebih murah. Malah, 86.06% informan bersetuju cukai terhadap minuman bergula menggalakkan penggunaan pemanis tiruan atau semula jadi. Contohnya:

“Ya, sebab bagi orang yang sedar tujuan sebenar cukai ni, mesti dia akan berubah kepada pemanis alternatif seperti buah-buahan. Sebab diaorang nak berubah untuk amalkan pemakanan yang sihat.” (Informan 22)

Selanjutnya, 71.52% informan tidak bersetuju pelaksanaan cukai terhadap minuman bergula menyebabkan harga minuman lain berubah. Ini kerana ia hanya dikenakan kepada minuman bergula yang telah ditetapkan. Disebabkan itu, minuman lain tidak akan mengalami sebarang perubahan harga. Dalam masa yang sama, 76.36% informan mengatakan bahawa keputusan untuk mengurangkan harga minuman alternatif adalah wajar. Sebagai contoh:

“Wajar, sebab ia akan mendorong pengguna untuk mengambil minuman alternatif berbanding minuman yang dikenakan cukai kerana harganya lebih murah dan lebih sihat.” (Informan 23)

Selanjutnya, didapati 53.33% informan ingin berubah kepada minuman alternatif. Ini dapat dijelaskan oleh kenyataan berikut:

“Pada saya sendirilah saya banyak meminum air mineral sekarang disebabkan harga air manis yang semakin mahal sebab cukai. Jadi, ramai yang sudah beralih kepada air mineral di samping mengamalkan kehidupan yang sihat.” (Informan 4)

10. Kos Efektif

Dapatan membuktikan 67.27% informan bersetuju bahawa pelaksanaan cukai SSB lebih kos efektif sebagai dasar campur tangan kerajaan dalam memperbaiki kesihatan masyarakat. Sebagai contoh:

“Ya, ni salah satu langkah yang berkesan sebab kalau kerajaan tak kenakan cukai terhadap minuman bergula, pengguna tak ada inisiatif untuk kawal gula dalam pemakanan diaorang. Cukai ni pun tidaklah menggunakan kos yang besar untuk laksanakannya.” (Informan 3)

Seterusnya, 86.06% informan mengatakan penguatkuasaan cukai SSB ini lebih berkesan dan menjimatkan berbanding dasar lain untuk mengurangkan penggunaan gula. Ini kerana, pengguna terpaksa mengurangkan pembelian minuman untuk mengelakkan daripada membayar cukai yang tinggi.

11. Cukai sebagai Strategi Campur Tangan Kerajaan

Keputusan menunjukkan 73.33% informan menyokong penguatkuasaan undang-undang menerusi cukai mampu untuk mencegah individu daripada mengambil gula secara berlebihan. Contohnya:

“Ya, pada saya ia memang boleh mendidik masyarakat untuk mengurangkan pengambilan gula yang berlebihan. Sebab, dengan pelaksanaan cukai ni, orang biasanya akan ubah corak pembelian tu sebab harga makin naik.” (Informan 5)

Tetapi, 83.03% informan juga tidak bersetuju dengan pemberian subsidi gula kerana subsidi akan menjadikan harga minuman semakin murah. Manakala 80.61% informan bersetuju bahawa penurunan harga makanan dan minuman yang sihat lebih sesuai untuk mengurangkan pengguna membeli produk yang mengandungi gula berlebihan. Sebagai contoh:

“Penurunan makanan dan minuman sihat dapat menarik perhatian masyarakat untuk membelinya dengan harga yang murah terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.” (Informan 24)

Namun begitu, 83.64% informan menyokong pengenaan cukai SSB lebih berkesan berbanding kerajaan menghadkan penggunaan gula kepada firma.

12. Kesan Kepada Ekonomi dan Sosioekonomi

Seramai 35.15% informan mencadangkan kutipan hasil cukai SSB digunakan bagi membangunkan infrastruktur negara. Agak menarik apabila 100% informan bersetuju pelaksanaan cukai terhadap minuman bergula berpotensi meningkatkan hasil untuk membiayai program kesihatan sosial. Ini dapat dijelaskan oleh kenyataan berikut:

“Sangat patut dan berpotensi. Bila kerajaan dah dapat pulangan, mereka perlu gandakan usaha dengan tingkatkan infrastruktur sukan supaya pengguna bukan sahaja menjaga kesihatan dari segi pemakanan sahaja, tapi diaorang pun buat juga senaman.” (Informan 25)

Seterusnya, 93.33% informan bersetuju bahawa cukai SSB dapat meningkatkan hasil untuk penjagaan kesihatan awam kerana cukai ini telah menambah pendapatan negara. Dalam masa yang sama, 61.21% informan mengatakan cukai terhadap minuman bergula ini berpotensi meningkatkan hasil untuk pembiayaan kos penjagaan bagi pesakit obesiti dan diabetes. Sebagai contoh:

“Ya, sebab cukai terhadap minuman bergula ini sendiri, bertujuan untuk kawal pengambilan gula supaya tidak menghidap penyakit kronik seperti kencing manis dan obesiti. Jadi, mungkin hasil cukai tu boleh diberikan untuk bayar kos perubatan pesakit seperti ubat-ubatan mereka atau pemeriksaan yang kerap.” (Informan 2)

Selanjutnya, 87.88% informan bersetuju, cukai SSB dapat meningkatkan hasil dalam belanjawan fiskal kerajaan kerana dengan kewujudan cukai Baharu. Namun begitu, majoriti informan (65.45%) tidak bersetuju cukai SSB ini dapat menutupi kejatuhan dalam item hasil kerajaan yang lain. Ini disebabkan, jumlah peningkatan cukai terhadap minuman bergula ini tidak terlalu besar sehingga dapat menutupi kejatuhan cukai yang lain.

Di samping itu, 92.73% informan menyokong bahawa hasil dari cukai SSB wajar untuk digunakan bagi tujuan spesifik seperti pembinaan kemudahan sukan. Contohnya:

“Ya wajar, kerana cukai eksais ini dilaksanakan bagi menjaga kesihatan masyarakat. Jadi, ia wajar untuk digunakan bagi membina kemudahan sukan supaya masyarakat boleh menggunakan kemudahan tersebut untuk melakukan aktiviti yang lebih sihat dan berfaedah.” (Informan 26)

Namun begitu, 55.76% informan tidak bersetuju cukai SSB mampu mewujudkan kesaksamaan Kesihatan. Ini kerana tahap kesihatan bagi setiap individu berbeza yang menyebabkan cukai ini tidak mampu untuk membawa kesaksamaan kesihatan tersebut. Manakala, 44.24% informan bersetuju kerana cukai ini dikenakan kepada semua masyarakat untuk mengurangkan pengambilan gula dan sekaligus risiko mereka untuk menghidapi penyakit diabetes dan obesiti berkurang. Tetapi, 76.36% informan bersetuju cukai terhadap minuman bergula membantu mengurangkan jurang tahap kesihatan. Ini kerana:

“Ya cukai ini dapat membantu untuk mengurangkan jurang tahap kesihatan kerana ia dilaksanakan kepada semua. Jadi, mungkin jurang tersebut semakin kecil sekiranya kesedaran itu timbul dalam diri masyarakat.” (Informan 7)

Seterusnya, 75.76% informan mengatakan pelaksanaan cukai ini lebih terkesan bagi golongan berpendapatan rendah. Contohnya:

“Bagi saya, semestinya golongan berpendapatan rendah sebab golongan berpendapatan tinggi ni selalu dia beli tak tengok harga barang tu. Tapi, kalau golongan berpendapatan rendah, mereka akan berfikir dahulu sebelum membeli.” (Informan 24)

Namun begitu, 61.82% informan mengatakan cukai ini bersifat progresif.

13. Adaptasi dan Pelaksanaan Dasar

Seramai 38.18% informan mencadangkan agar pihak berkuasa mengesan individu yang menjual produk minuman berstatus ‘home-made, unlabeled products’ melalui pendaftaran syarikat bagi meluaskan pelaksanaan cukai SSB. Manakala, 4.85% informan mencadangkan pihak berkuasa membuat pantauan di restoran untuk melihat kadar gula yang digunakan. Malah, kesemua informan bersetuju untuk tidak mendapatkan minuman bergula yang dikenakan cukai di pasaran gelap. Ini kerana, mereka khuatir akan dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Selanjutnya, 41.82% informan berpandangan agar pihak industri menginovasikan produk dengan mengurangkan kandungan gula atau menggantikan dengan pemanis tiruan dalam produk mereka. Pengguna juga perlu memberi sokongan kepada dasar kerajaan ini dengan mengambil gula dalam kadar yang optimum (55.78%). Bagi pakar kesihatan pula, 38.79% informan berpandangan mereka perlu memberi sokongan kepada dasar cukai terhadap minuman bergula tersebut dengan memberi nasihat kepada masyarakat melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain. Malah, informan merasakan kerajaan sendiri perlu menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat dengan mengamalkan pemakanan yang sihat kerana

masyarakat akan mudah terpengaruh dengannya (38.18%). Seterusnya, semua informan bersetuju, pelaksanaan cukai ini perlu dihebahkan kepada masyarakat supaya lebih peka dan ingin berubah ke arah penggunaan gula yang optimum. Sebagai contoh:

“Ya, saya rasa ia perlu dihebahkan kepada masyarakat supaya diaorang tahu pelaksanaan ini untuk menarik semua masyarakat supaya mengurangkan gula. Apabila mereka tahu, mungkin ada kesedaran untuk mereka berubah.” (Informan 28)

Selanjutnya, 73.33% (121) informan mengatakan, kerajaan perlu meneruskan subsidi gula. Ini kerana, kebajikan masyarakat akan terjejas khususnya kepada golongan berpendapatan rendah sekiranya kerajaan menghentikan subsidi gula disebabkan gula masih merupakan barang keperluan. Malah, semua informan bersetuju bahawa komitmen dan sokongan pemerintah serta rakyat sangat penting dalam pelaksanaan ini. Ini dapat dijelaskan oleh kenyataan berikut:

“Ya, kedua-dua pihak memainkan peranan penting untuk menjayakan pelaksanaan ini. Sekiranya pengguna tidak peduli dan tidak mahu cuba untuk berubah, matlamat pelaksanaan ini tidak akan tercapai. Jadi, sangat penting untuk pengguna memberi sokongan supaya pelaksanaan ini akan berjaya.” (Informan 28)

Perbincangan

Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan informan terhadap pelaksanaan cukai minuman bergula adalah baik kerana majoriti informan sedar akan kewujudan pelaksanaan ini dan mengetahui objektif ia dilaksanakan. Hal ini sangat penting supaya masyarakat dapat menerima dan menyokong apa yang dilakukan oleh kerajaan dengan mengubah gelagat menerusi pengurangan pengambilan gula dalam makanan dan minuman. Ia selari dengan pandangan Michael et al (2022) yang mana peranan media sangat penting bagi menyebarkan maklumat berkaitan cukai ini supaya masyarakat akan cakna dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan.

Seterusnya didapati kadar cukai akan meningkatkan harga minuman serta dapat mempengaruhi gelagat pengguna untuk mengurangkan pembelian minuman. Dapatan ini selari dengan keputusan Grant (2021) yang mana pengguna akan melihat kadar cukai yang dikenakan sebelum membuat keputusan pembelian kerana cukai tersebut melibatkan harga yang akan dibayar oleh mereka nanti.

Di samping itu, terbukti bahawa pelaksanaan cukai gula memberi kesan terhadap peningkatan harga yang menyebabkan pengguna beralih kepada minuman yang lebih murah. Hal ini sama seperti dapatan Roberto et al. (2017) yang mana cukai terhadap minuman bergula telah meningkatkan harga minuman bergula di Philadelphia dan secara tak langsung mengurangkan jumlah jualan kerana pengguna lebih tertarik untuk membeli minuman yang lebih murah.

Malah, didapati industri minuman yang terlibat turut terkesan disebabkan peningkatan harga minuman akibat cukai terhadap minuman bergula. Hal ini telah menggalakkan pengeluar untuk menawarkan produk yang mengandungi gula pada kadar yang rendah supaya mereka tidak dikenakan cukai yang tinggi. Dapatan ini selari dengan pandangan Elsevier (2016) yang mana kesan daripada kemerosotan jualan minuman telah mendorong pengeluar untuk mengubah formula produk dengan cara mengurangkan kandungan gula dalam pengeluaran. Rentetan itu, insentif untuk industri minuman rendah gula perlu diperbanyakkan bagi menggalakkan lagi pengeluaran pelbagai minuman rendah gula yang menyihatkan.

Selanjutnya, didapati berlaku hanya sedikit penurunan pembelian dan penggunaan minuman bergula selepas duti eksais ini dilaksanakan. Hal ini selari dengan pandangan Miriam et al. (2019) yang mana kadar cukai 10% di Barbados hanya mengurangkan sebanyak 4.3% jualan minuman bergula dan 3.6% minuman berkarbonat. Oleh itu, pembuat dasar perlu meneliti semula kadar cukai ini agar penurunan pembelian minuman bergula akan semakin tinggi.

Dalam masa yang masa, duti eksais ini telah mendorong pengguna untuk beralih kepada produk alternatif yang lebih sihat sama ada mengandungi kadar gula yang rendah atau tiada gula. Hal ini selari dengan keputusan Falbe et al. (2016) yang mana pelaksanaan cukai terhadap minuman bergula di Berkeley, California telah mendorong pengguna untuk beralih kepada air mineral. Ia sekaligus telah menggalakkan pengeluar

meningkatkan pengeluaran produk minuman yang lebih sihat disebabkan permintaan yang tinggi oleh pengguna.

Selain itu, pelaksanaan cukai terhadap minuman bergula tersebut adalah kos efektif kerana tidak memerlukan dana yang banyak untuk melaksanakannya dan ia lebih berkesan berbanding dengan dasar yang lain. Ini selari dengan pandangan Steven et al. (2015) yang mana pelaksanaan cukai lebih berkesan dan menjimatkan berbanding pemberian subsidi kepada produk minuman sihat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati pelaksanaan duti eksais mampu menyedarkan pengguna untuk mengambil gula pada kadar yang optimum. Namun, pakar kesihatan awam boleh meningkatkan lagi kesedaran ini menerusi nasihat kepada orang awam dalam media sosial. Selain itu, cukai SSB adalah adil kepada individu yang sihat kerana pengguna merasakan kenaikan harga minuman bergula akibat cukai SSB yang tidak terlalu tinggi tidak menjatuhkan kebajikan mereka. Malahan, cukai SSB dilihat menggalakkan pengeluar melakukan inovasi dengan mengubah formula kandungan produk serta meletakkan label kurang atau tiada gula dengan lebih ketara pada produk mereka. Di samping itu, penguatkuasaan cukai terhadap minuman bergula dilihat lebih berkesan untuk mengurangkan penggunaan gula dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, pelaksanaan duti eksais ini didapati lebih memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah. Lantas, pengguna berpandangan pemberian subsidi gula perlu diteruskan. Walaupun begitu, asas bagi duti eksais ini boleh diperluaskan lagi kepada produk lain yang turut mengandungi gula agar masyarakat akan lebih memilih produk yang kurang gula. Kadar bagi duti eksais ini juga perlu diperhalusi agar ia lebih berkesan dalam mengawal penggunaan gula oleh masyarakat. Untuk tujuan kajian di masa hadapan, kesan cukai gula ini perlu diperhalusi mengikut golongan pendapatan berbeza bagi mengenalpasti sama ada ia benar-benar merupakan cukai yang efisien.

Penghargaan: Penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam kajian ini

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua informan yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Penyelidik tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Alhareky, M., Bedi, S., AlMulhim, A., El Tantawi, M., Farooqi, F. A., & AlHumaid, J. (2021). Impact of Sugar Tax on Sugar-sweetened Beverage Consumption among Saudi Schoolchildren. *Oral Health & Preventive Dentistry*, 19(1), 189–194. <https://doi.org/10.3290/j.ohpd.b1075081>
- Allcott, Hunt, Benjamin B., Lockwood, & Taubinsky, D. (2019). Should We Tax Sugar-Sweetened Beverages? An Overview of Theory and Evidence. *Journal of Economic Perspectives*, 33(3), 202-27. <https://doi.org/10.1257/jep.33.3.202>.
- Allen, William. M., & Allen, K. J. (2020). Should Australia tax sugar-sweetened beverages?. *Journal of Paediatrics and Child Health*, 56(1), 8-15.
- Alvarado, M., L. Penney, T., Unwin, N., M. Murphy, M., & Adams, J. (2021). Evidence of a health risk ‘signalling effect’ following the introduction of a sugar-sweetened beverage tax. *Food Policy*, 102. <https://doi.org/10.1016/j.foodpol.2021.102104>
- Alvarado, M., Unwin, N., J. Sharp, S., Ian Hambleton, M. Murphy, M., Samuels, T. A., Suhrcke, M., & Adams, J. (2019). Assessing the impact of the Barbados sugar-sweetened beverage tax on beverage sales: an observational study. *International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity*, 16(1). <https://doi.org/10.1186/s12966-019-0776-7>
- Anaf, J., Fisher, M., Handsley, E., Baum, F., & Friel, S. (2021). ‘Sweet talk’: framing the merits of a sugar tax in Australia. Oxford Academic. *Health Promotion International*, 36(5), 1334-1345.

- Arantxa M. C., Juan A. Rivera, Barry M. Popkin, & Shu Wen Ng. (2017). Sustained consumer response: Evidence from two-years after implementing the sugar sweetened beverage tax in Mexico. *Health Affairs*, 36(3). <https://doi.org/10.1377/hlthaff.2016.1231>
- Beirão, D., Goiana-da-Silva, F., Gregório, M. J., & Severo, M. (2020). Projected impact of the Portuguese sugar-sweetened beverage tax on obesity incidence across different age groups: A modelling study. *PLOS Medicine*, 17(3). <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1003036>
- Bosire, E. N., Stacey, N., Mukoma, G., Tugendhaft, A., Hofman, K., & Norris, S. A. (2020). Attitudes and perceptions among urban South Africans towards sugar-sweetened beverages and taxation. *Public health nutrition*, 23(2), 374–383. <https://doi.org/10.1017/S1368980019001356>
- Carter, R., Lal, A., Veerman, L., Mantilla-Herrera, A. M., & Backholer, K. (2017). Modelled health benefits of a sugar-sweetened beverage tax across different socioeconomic groups in Australia: A cost-effectiveness and equity analysis. *PLOS Medicine*, 17(7). <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1003310>
- Caro, J. C., Corvalán, C., Reyes, M., Silva, A., Popkin, B., & Taillie, L. S. (2018). Chile's 2014 sugar sweetened beverage tax and changes in prices and purchases of sugar-sweetened beverages: an observational study in an urban environment. *PLOS Medicine*, 15(7), e1002597.
- Claudy, M., Doyle, G., Lisa Marriott, Norah Campbell, & Grace O'Malley. (2020). Are Sugar-Sweetened Beverage Taxes Effective? Reviewing the Evidence Through a Marketing Systems Lens. *Journal of Public Policy & Marketing*. <https://doi.org/10.1177/0743915620965153>
- Clare. (2019). A sugar tax can answer Australia's obesity problem. *ANU Undergraduate Research Journal*, 9, 78-83. <https://doi.org/10.25911/aurj.v9i0.170>
- Collins, B., Capewell, S., O'Flaherty, M., Timpson, H., Razzaq, A., Cheater, S., & Bromley, H. (2015). Modelling the health impact of an English sugary drink's duty at national and local levels. *PLoS One*, 10(6), e0130770.
- Cristina Álvarez-Sánchez, Héctor Guillén, Isobel R. Contento, Pamela Koch, & Florence L. Théodore. (2021). Soda Consumption Among Mexican Construction Workers in the Context of the Sugar-Sweetened Beverage Tax. *Health Education & Behavior*, 49(1), 107-117. <https://doi.org/10.1177/10901981211050031>
- Cuadrado, C., Dunstan, J., Silva-Illanes, N., Mirelman, A. J., Nakamura, R., & Suhrcke, M. (2020). Effects of a sugar-sweetened beverage tax on prices and affordability of soft drinks in Chile: A time series analysis. *Social Science & Medicine*, 245, 112708. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2019.112708>
- Donnelly, G. E., Guge, P. M., Howell, R. T., & John, L. K. (2021). A Salient Sugar Tax Decreases Sugary-Drink Buying. *Psychological Science*, 32(11), 1830–1841. <https://doi.org/10.1177/09567976211017022>
- Edwards, C. H., Rossi, M., Corpe, C. P., Butterworth, P. J., & Ellis, P. R. (2016). The role of sugars and sweeteners in food, diet and health: Alternatives for the future. *Trends In Food Science & Technology*, 56, 158-166.
- Falbe, J., Lee, M. M., Kaplan, S., Rojas, N. A., Ortega Hinojosa, A. M., & Madsen, K. A. (2020). Higher sugar-sweetened beverage retail prices after excise taxes in Oakland and San Francisco. *American Journal of Public Health*, 110(7), 1017-1023.
- Falbe, J. (2020). The ethics of excise taxes on sugar-sweetened beverages. *Physiology & Behavior*, 225, 113105. <https://doi.org/10.1016/j.physbeh.2020.113105>
- Falbe, J., Thompson, H. R., Becker, C. M., Rojas, N., McCulloch, C. E., & Madsen, K. A. (2016). Impact of the Berkeley excise tax on sugar-sweetened beverage consumption. *American Journal of Public Health*, 106(10), 1865-1871.
- Guerrero Lopez, Carlos. M., Molina & Arantxa M. C. (2017). Employment changes associated with the introduction of taxes on sugar- sweetened beverages and nonessential energy-dense food in Mexico. *Preventive Medicine*. <https://doi.org/10.1016/j.ypmed.2017.09.001>

- Ismail, N. A. (2021). Persepsi Pengguna Terhadap Diabetes Dan Cukai terhadap minuman bergula Di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 55-65. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/15682>
- Jamiah, M., Nor Jana, S., Arena, C. K., Norul Huda, S., Noordeyana, T., Aizan Sofia, A., Salasih Hanin, H. & Salina, N. (2023). Faktor yang Mempengaruhi Gaya Hidup Sehat Remaja Generasi Z di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(1).
- Karl. M., Emmert-Fees, Capacci, S., Sassi, F., Mazzocchi, M., & Laxy, M. (2022). Estimating the impact of nutrition and physical activity policies with quasi-experimental methods and simulation modelling: an integrative review of methods, challenges and synergies. *European Journal of Public Health*, 32(Supplement_4), iv84-iv91.
- Lloyd, P., & MacLaren, D. (2018). Should We Tax Sugar and If So How? *The Australian Economic Review*, 52(1), 19-40. <https://doi.org/10.1111/1467-8462.12299>
- Michael W., Long, Gortmaker, S. L., Ward, Z. J., Resch, S. C., Moodie, M. L., Sacks, G., & Wang, Y. C. (2015). Cost effectiveness of a sugar-sweetened beverage excise tax in the US. *American Journal of Preventive Medicine*, 49(1), 112-123.
- MK Allen, W., & J Allen, K. (2019). Should Australia tax sugar-sweetened beverages? *Journal of Paediatrics and Child Health*, 56(1), 8–15. <https://doi.org/10.1111/jpc.14666>
- Mohamed Nor, N., Thinng, W. B. K., Veerman, J. L., Ibrahim, N. S., Mohamad, F. Z., & Ibrahim, S. (2021). Price Elasticity of Demand And The Impact Of Taxing Sugar-Sweetened Beverages In Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 21(1), 223-229. <https://doi.org/10.37268/mjphm/vol.21/no.1/art.794>
- Mohd Hanim, M. F., Md Sabri, B. A., & Yusof, N. (2021). Online News Coverage of the Sugar-Beverages Tax in Malaysia: Content Analysis. *JMIR Public Health and Surveillance*, 7(8), e24523. <https://doi.org/10.2196/24523>
- Moore, G., Young, A., Hassan, A., & James, K. (2019). Will the Implementation of a Sugar Tax Reduce Obesity Levels? An Insight from Scotland. *Indonesian Journal of Contemporary Management Research*, 1(2). <https://ssrn.com/abstract=3384855>
- Muhammad Johan Syahid, J., Norain, M. A. & Azrina, A. A. (2023). Impak Media Sosial dalam mempengaruhi Penggunaan Gula. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(4).
- Murwani, S., Karmana, I. W., Hasibuan, H. D., & Sriyanto, A. (2022). Ekstensifikasi Barang Kena Cukai Minuman Ringan Berpemanis. *Jurnal Perspektif Kastam dan Eksais*, 4(2). <https://doi.org/10.31092/jpbc.v4i2.968>
- N Mazurek-Chwiejczak. (2021). Polish 'sugar fee' in the light of global experience with sugar sweetened beverages taxation. *Economics and Law*, 20(2), 287–303. <https://doi.org/10.12775/EiP.2021.017>
- Onagan, F. C. C., Ho, B. L. C., & Chua, K. K. T. (2019). Development of a sweetened beverage tax, Philippines. *Bulletin of the World Health Organization*, 97(2), 154–159. <https://doi.org/10.2471/BLT.18.220459>
- Roberto, C. A., Lawman, H. G., LeVasseur, M. T., Mitra, N., Peterhans, A., Herring, B., & Bleich, S. N. (2019). Association of a beverage tax on sugar-sweetened and artificially sweetened beverages with changes in beverage prices and sales at chain retailers in a large urban setting. *Jama*, 321(18), 1799-1810.
- Sassano, M., Castagna, M., Villani, L., Quaranta, G., Pastorino, R., Ricciardi, W., & Boccia, S. (2024). National taxation on sugar-sweetened beverages and its association with overweight, obesity, and Diabetes. *The American Journal of Clinical Nutrition*, 119(4).
- Sawyer, L., M. Oddo, V., Fretts, A., A. Knox, M., Chan, N., E. Saelens, B., & Jones-Smith, J. C. (2022). Impacts of the Seattle Sweetened Beverage Tax on the Perceived Healthfulness of Sweetened Beverages. *Nutrients*, 14(5), 993. <https://doi.org/10.3390/nu14050993>
- Serse, V. (2020). *Do Sugar Taxes Affect the Right Consumers?* <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3515943>
- Setyawan, B. (2018). Kajian Pengenaan Cukai Terhadap Gula. *Jurnal Perbendaharaan Kewangan Negara Dan Kebijakan Publik*, 3(4), 284–295. <https://doi.org/10.33105/itrev.v3i4.73>

- Shyam, S., Misra, S., Hueh Zan Chong, M., & Don, R. (2019). Developments in the implementation of sugar-sweetened beverage tax in Malaysia-A narrative review. *International E-Journal of Science, Medicine & Education*, 13(2).
- Silver, L. D., Ng, S. W., Ryan-Ibarra, S., Taillie, L. S., Induni, M., Miles, D. R., ... & Popkin, B. M. (2017). Changes in prices, sales, consumer spending, and beverage consumption one year after a tax on sugar-sweetened beverages in Berkeley, California, US: a before-and-after study. *PLOS Medicine*, 14(4), e1002283.
- Smit, Y., Ebrahim, Z., Marais, M., Nel, D., & Koen, N. (2023). Does sugar taxation on sugar-sweetened beverages alter purchasing behaviour of South African consumers? Perspectives of dietitians and key industry role-players. *South African Journal of Clinical Nutrition*, 37(2), 53–60. <https://doi.org/10.1080/16070658.2023.2249246>
- The Coca-Cola Company. (2021). Driving Choice & Sugar Reduction. <https://www.cocacolacompany.com/sustainability/in-our-products/sugar-reduction>
- Veerman, J. L., Sacks, G., Antonopoulos, N., & Martin, J. (2016). The Impact of a Tax on Sugar-Sweetened Beverages on Health and Health Care Costs: A Modelling Study. *PLOS ONE*, 11(4), e0151460. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0151460>
- World Health Organization. (2022). *WHO manual on sugar-sweetened beverage taxation policies to promote healthy diets*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789240056299>
- World Cancer Research Fund International. (2018). *Building momentum: lessons on implementing a robust sugar sweetened beverage tax*. <https://www.wcrf.org/policy/our-publications/building-momentum-series/lessons-implementing-robust-sugar-sweetened-beverage-tax/>